

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Johari Bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pada Ogos 2011, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan Dana Mudah Cara sebanyak RM2 bilion untuk pelaksanaan projek sektor swasta oleh syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan. Berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan berapakah permohonan yang telah diluluskan serta jumlahnya.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian bantuan dana mudahcara adalah satu insentif dalam bentuk geran yang disediakan oleh Kerajaan bagi merancakkan lagi pelaburan swasta termasuk syarikat-syarikat Bumiputera di dalam negara. Misi dan objektif Dana Mudahcara adalah untuk merangsang pelaburan swasta dalam bidang-bidang keutamaan strategik dan berpotensi memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sehingga 30 September 2014, sebanyak seratus enam puluh tujuh (167) projek sektor swasta oleh syarikat-syarikat Bumiputera yang berkeelayakan telah diluluskan bantuan Dana Mudahcara dengan peruntukan keseluruhannya sejumlah RM1,662.09 juta melibatkan nilai pelaburan swasta keseluruhannya berjumlah RM16,002.45 juta.

Sekian. Terima kasih.